

**HUBUNGAN DIANTARA TAHAP KEMAHIRAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI
DENGAN FAKTOR HALANGAN TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BANTU
MENGAJAR TEKNOLOGI DALAM KALANGAN GURU PELATIH FAKULTI
PENGURUSAN DAN EKONOMI, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.**

D20201094012

**PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN) DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN FAKULTI
PENGURUSAN DAN EKONOMI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

SEMESTER 1 SESI 2023/2024



Perakuan ini telah dibuat pada _____

i. Perakuan Pelajar :

Saya Susila Binti Mula (D20201094012) daripada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi dengan ini mengaku bahawa Projek Akhir Tahun yang bertajuk Hubungan Diantara Tahap Kemahiran Penggunaan Teknologi Dengan Faktor Halangan Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Teknologi Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah hasil kerja saya sendiri.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia :

Saya, Dr. Nor Azrin bin Md Latip merupakan penyelia bagi pelajar bernama di atas dengan ini mengesahkan bahawasanya hasil kerja yang bertajuk Hubungan Diantara Tahap Kemahiran Penggunaan Teknologi Dengan Faktor Halangan Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Teknologi Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah dihasilkan oleh pelajar tersebut sendiri dan telah diserahkan kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengurusan Perniagaan.

Tarikh

Tandatangan



Abstrak

Sejajar dengan kemajuan teknologi, sistem pendidikan juga perlu diadaptasikan dengan peredaran zaman. Guru hendaklah mempelbagaikan penggunaan teknologi dalam pembelajaran agar perkembangan murid-murid dalam pembelajaran dapat ditingkatkan. Bahan Bantu Mengajar (BBM) teknologi merupakan sumber elektronik, digital atau fizikal yang boleh menyokong guru dalam penyampaian di dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran penggunaan teknologi, faktor halangan dalaman dan luaran yang kritikal dalam penggunaan BBM teknologi dan hubungan di antara kedua-duanya. Kajian ini melibatkan 102 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) versi 29 untuk menganalisis statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru pelatih dalam menggunakan teknologi adalah pada tahap yang tinggi iaitu tiada satu pun responden mempunyai tahap kemahiran yang rendah secara purata dan bagi faktor halangan dalaman kritikal menunjukkan item skor min tertinggi iaitu pada min=4.21 manakala bagi faktor halangan luaran kritikal menunjukkan item skor min tertinggi iaitu pada min=4.19. Bagi hubungan pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan iaitu $H1=p<0.05$ begitu juga bagi $H2$. Secara keseluruhan, guru-guru hendaklah mengaplikasikan BBM teknologi dalam pembelajaran untuk meningkatkan lagi kualiti pembelajaran sekaligus dapat menarik minat murid-murid.

Kata Kunci : Bahan bantu mengajar, teknologi, guru pelatih, faktor halangan

Abstract

In line with the advancement of technology, the education system also needs to be adapted with the passage of time. Teachers should diversify the use of technology in learning so that the development of students in learning can be increased. Teaching Aids (BBM) technology are electronic, digital or physical resources that can support teachers in delivering in the classroom. This study aims to examine the level of technology use skills, critical internal and external barrier factors in the use of BBM technology and the relationship between the two. This study involved 102 respondents consisting of trainee teachers from the Faculty of Management and Economics, UPSI. The design of this study is in the form of a survey that uses a questionnaire as a research instrument. Data were analyzed using Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) version 29 software to analyze descriptive statistics and inferential statistics. The results of the study show that the skill level of trainee teachers in using technology is at a high level, that is, none of the respondents have a low level of skill on average and for the critical internal barrier factor, the item shows the highest mean score which is at mean=4.21 while for the critical external barrier factor shows the highest mean score item at mean=4.19. As for the relationship, it shows that there is a significant relationship which is $H1=p<0.05$ as well as for $H2$. Overall, teachers should apply BBM technology in learning to further improve the quality of learning while also being able to attract students' interest.

Keywords : Teaching aids, technology, trainee teachers, obstacle factors



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpahan kurnian-Nya yang dianugerahkan kepada saya untuk menyelesaikan tugas Projek Akhir Tahun (Final Year Project) dimana ianya merupakan salah satu syarat keperluan untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingi mendedikasikan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr. Azrin Md Latip yang banyak membimbing, membantu dan memberikan kata-kata semangat dalam proses saya menyiapkan tugas Projek Akhir Tahun ini. Beliau sanggup untuk meluangkan masa untuk membantu saya walaupun jadual dan waktu yang padat sebagai seorang pensyarah sekaligus Ketua Jabatan.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tiada terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Mula bin Pasahari dan Puan Sumiati binti Mohd Calo yang banyak memberikan sokongan moral sepanjang saya menjadi pelajar ijazah dari semester 1 sehingga akhirnya. Selain daripada sokongan moral, mereka juga banyak membantu saya dari segi sokongan kewangan dalam saya menyempurnakan tanggungjawab saya sebagai seorang pelajar sehingga tugas Projek Akhir Tahun ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu saya dalam menyiapkan tugas ini. Secara keseluruhannya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara tidak langsung atau sebaliknya dalam menyiapkan tugas Projek Akhir Tahun ini.



**ISI KANDUNGAN**

Bil	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1-3
1.2	Latar Belakang Kajian	4-5
1.3	Pernyataan Masalah	5-7
1.4	Objektif Kajian	7-8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	8-9
1.7	Kerangka Konseptual kajian	9-10
1.8	Kepentingan Kajian	10-11
1.9	Definisi Operasional Kajian	11-13
1.10	Struktur Kajian	14-15
1.11	Kesimpulan	15
2.0	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Kerangka Teori	16-22
2.3	Konteks Penyelidikan	22-23
2.4	Konsep Pemboleh Ubah	24-31
2.5	Pembangunan Hipotesis	31-34
2.6	Kesimpulan	34-35
3.0	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36-37
3.3	Lokasi Kajian	37-39
3.4	Populasi dan Sampel	39-41
3.5	Pengukuran Item Kajian	41-43
3.6	Interumen Kajian	43-50
3.7	Kajian Rintis	50-51
3.8	Kutipan Data	51-52
3.9	Analisis Data	52-54
3.10	Kesimpulan	54
4.0	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Analisis Dapatan Kajian Rintis	55-62
4.3	Profil Responden	62-69
4.4	Analisis Awal	69-80
4.5	Tafsiran Dapatan Kajian	80-85
4.6	Kesimpulan	85
5.0	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI	
5.1	Pengenalan	86
5.2	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	86-92
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	92-93
5.4	Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	93-95
5.5	Kesimpulan	95
	RUJUKAN	96-100
	LAMPIRAN	101-124



**SENARAI JADUAL****No Jadual****Mukasurat**

Jadual 1.1 Jenis bahan bantu mengajar dikelaskan mengikut kategori.	2-3
Jadual 3.1 Jumlah sampel guru pelatih dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI.	41
Jadual 3.2 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	41
Jadual 3.3 Tahap Kecenderungan Skor Min.	42-43
Jadual 3.4 Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi (r)	43
Jadual 3.5 Instrumen Kajian Dalam Tinjauan Soal Selidik	44-49
Jadual 3.6 Skala Likert Lima Mata	51
Jadual 3.7 Tahap Kecenderungan Skor Min.	54
Jadual 3.8 Ujian Kenormalan Data	54
Jadual 4.1 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Jantina	58
Jadual 4.2 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Umur	58
Jadual 4.3 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Bangsa	59-60
Jadual 4.4 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Negeri	60-61
Jadual 4.5 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Jenis Sekolah	61-62
Jadual 4.6 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Fakulti	62-63
Jadual 4.7 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Rintis Mengikut Semester	63
Jadual 4.8 Nilai Kebolehpercayaan Bagi Setiap Pemboleh Ubah	64
Jadual 4.9 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Jantina	65
Jadual 4.10 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Umur	66
Jadual 4.11 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar	



Mengikut Bangsa	67
Jadual 4.12 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Negeri	68
Jadual 4.13 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Jenis Sekolah	69
Jadual 4.14 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Fakulti	69
Jadual 4.15 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Semester	70
Jadual 4.16 Kekerapan dan Peratusan Responden Kajian Sebenar Mengikut Program	70-71
Jadual 4.17 Dapatan Skor Min Keseluruhan	71
Jadual 4.18 Tahap Kemahiran Penggunaan Teknologi	72-73
Jadual 4.19 Min Tahap Kemahiran Penggunaan Teknologi	73-74
Jadual 4.20 Tahap Persetujuan Terhadap Faktor Halangan Dalam Penggunaan BBM Teknologi	74
Jadual 4.21 Min Faktor Halangan Dalam Penggunaan BBM Teknologi.	75-76
Jadual 4.22 Tahap Persetujuan Terhadap Faktor Halangan Luaran Penggunaan BBM Teknologi	76
Jadual 4.23 Min Faktor Halangan Luaran Penggunaan BBM Teknologi	77
Jadual 4.24 Normaliti Data Kajian	78
Jadual 4.25 Hubungan Antara Pemboleh Ubah	81
Jadual 4.26 Hubungan Antara Pemboleh Ubah	81
Jadual 4.27 Keputusan Hipotesis 1.	84
Jadual 4.28 Keputusan Hipotesis 2	85

SENARAI RAJAH

No Rajah	Mukasurat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.2 Struktur Kajian	14
2.1 Model TAM Original Yang Diusulkan Oleh Fred Davis Tahun 1989	17
2.2 Model TAM Final Yang Diusulkan Oleh Fred Davis & Venkatesh Tahun 1996	18
2.3 Prinsip Teori Konstruktivisme	21
3.1 Lokasi Negeri Perak Dalam Peta Malaysia	39
3.2 Peta Daerah Yang Terdapat di Negeri Perak	39
3.3 Peta Khusus Yang Menonjolkan Lokasi Kajian UPSI	39
3.2 Proses Kutipan Data	52-53
4.1 Histogram Kenormalan Data Bagi Tahap Kemahiran Penggunaan Teknologi	78
4.2 Histogram Kenormalan Data Bagi Faktor Halangan Dalaman Terhadap Penggunaan BBM Teknologi	79
4.3 Histogram Kenormalan Data Bagi Faktor Halangan Luaran Terhadap Penggunaan BBM Teknologi	79

SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran	Muka Surat
Lampiran A Kesahan Instrumen	101-111
Lampiran B Kesahan Pakar	112-121
Lampiran C Borang Soal Selidik	122-124

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
ABM	Alat Bantu Mengajar
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	Statistical Packages For The Sciences
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
TAM	Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada era alaf baharu ini, kemajuan dalam bidang teknologi telah membawa perubahan yang besar kepada kehidupan manusia. Kemajuan ini telah memberikan impak kepada pemikiran generasi baru seawal umur 3 tahun. Pada zaman digital ini, teknologi bukan sahaja terdedah kepada golongan remaja, dewasa dan golongan berumur, malahan kanak-kanak juga sudah terbiasa dengan dedahan digital ini. Oleh yang demikian, pemikiran dan pengetahuan mereka amat mudah diperolehi menerusi kecanggihan teknologi.

Sejajar dengan kemajuan teknologi, sistem pendidikan juga perlu diadaptasikan dengan peredaran zaman. Sistem pendidikan negara telah menerapkan PAK21 (Pembelajaran Abad Ke-21) bagi memastikan pendidikan berkembang pesat sejajar dengan kemajuan dunia. Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) merupakan pendekatan yang sesuai sejajar dengan era globalisasi dalam melahirkan generasi yang berkemahiran dan kompeten. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menggariskan enam aspirasi murid yang perlu dicapai (Ardyawaty dan Mohd Isa, 2020). Antara penerapan PAK21 yang harus dilaksanakan oleh guru-guru adalah inovatif. Guru hendaklah mempelbagaikan penggunaan teknologi dalam pembelajaran agar perkembangan murid-murid dalam pembelajaran dapat ditingkatkan.

Bahan bantu mengajar teknologi merupakan sumber elektronik, digital atau fizikal yang boleh menyokong guru dalam penyampaian di dalam bilik darjah. BBM teknologi termasuk aplikasi platform dan perisian, serta boleh digunakan dalam persekitaran pembelajaran maya, hibrid atau tradisional. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) agar proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi lebih berkesan (Siti Aminah

dan Fazlinda, 2018). Selain daripada itu, dalam era digital juga para pendidik mempunyai pilihan sumber teknologi yang mengagumkan untuk membantu memudahkan kelas, menarik minat pelajar dan menyelaraskan proses. Namun begitu, terdapat banyak sumber yang mungkin menyukarkan guru untuk mengetahui alat yang mana untuk digunakan dan cara penggunaannya.

Bahan bantu mengajar (BBM) terbahagi kepada pelbagai jenis, antaranya ialah bahan bantu mengajar elektronik. Penggunaan bahan bantu mengajar tradisional telah lama digunakan oleh guru-guru, namun begitu tidak semua guru mengamalkan dan menerapkan penggunaan unsur teknologi dalam pembelajaran. Seajar dengan kemajuan dunia, teknologi hendaklah diterapkan dalam pendidikan agar sistem pendidikan negara berkembang pesat seperti sistem pendidikan antarabangsa. Keberkesanan dalam pengajaran terletak pada guru yang membina suasana dimana ianya membolehkan murid-murid merasai pembelajaran yang menyeronokkan. Guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi murid terhadap sesuatu mata pelajaran. Bagi mengubah persepsi murid, guru perlu memainkan peranan membentuk minat murid agar lebih menumpukan perhatian dalam PdPc (Masyira Yahaya et al., 2020)

Konsep BBM boleh diklasifikasikan lagi kepada tiga kategori yang berbeza, yang merangkumi bahan audio, visual dan audio-visual (Mohd Faez Illia, et, al. 2022). Terdapat 3 jenis bahan bantu mengajar yang boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran. mereka boleh dikelaskan secara meluas ke dalam kategori berikut :

Jadual 1.1

Jenis bahan bantu mengajar dikelaskan mengikut kategori.

Perkara	Huraian
---------	---------

Berasaskan visual	Alat bantu visual ialah alat pengajaran yang boleh dilihat atau dibaca oleh pelajar. ia membantu dalam menyampaikan maklumat dalam format visual, memudahkan pelajar untuk memahami dan mengingat. Bantuan ini memudahkan pemahaman dan pengekalan maklumat yang lebih baik. Pelajar seringkali mencuba menggambarkan dalam pemikirannya apa yang sedang dipelajari melalui visual, misalnya pelajar boleh melihat gambaran walaupun bukan bahan yang sebenar (Rabaah Abdullah et al., 2021)
Berasaskan audio	Alat bantu audio ialah alat pengajaran yang menghasilkan bunyi, yang bermanfaat untuk pembelajaran. Mereka melibatkan deria pendengaran dan boleh digunakan untuk menyampaikan kandungan berasaskan audio. Kaedah pembelajaran yang berteraskan bunyi (audio) adalah menjadi keutamaan bagi perisian ini bagi membantu sesi P&P (Nurutthoilah Mohd Nabil et al., 2018).
Berasaskan audio-visual	Media audio visual ialah satu bentuk media yang sangat berkesan dan komprehensif yang membolehkan pelajar menerima maklumat secara menyeluruh dan teratur. Sebaliknya, media audio visual statik merujuk kepada persembahan media yang terutamanya terdiri daripada imej dan grafik bersama dengan muzik latar belakang yang mengiringi. Contoh media audio visual statik termasuk projektor lutsinar, slaid dan projektor slaid (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020)

1.2 Latar Belakang Kajian

Sama ada berpusatkan guru, berpusatkan murid, ataupun berpusatkan bahan, merancang aktiviti PdP dengan strategi yang efektif dan mengaplikasikan unsur penggunaan teknologi yang sesuai dapat memberi impak yang besar kepada hasil pembelajaran murid. Malah, apabila setiap murid mempunyai lebih banyak peluang untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses PdP, ia juga memberi kesan kepada perkembangan keseluruhan pelajar. Penggunaan BBM yang sesuai dapat membantu guru merancang dan melaksanakan PdP dengan lebih mudah dan sistematik serta berkesan. Namun begitu, perancangan yang rapi diperlukan agar hasil yang diperoleh bukan sahaja sebagai proses PdP yang berjaya, tetapi juga dapat memastikan matlamat PdP tercapai dengan baik. Oleh itu, keperluan untuk menggunakan BBM teknologi yang menggabungkan pelbagai media seperti teks dan simbol grafik boleh memainkan peranan penting dalam mendalami pemahaman kandungan pengajaran atau

maksud sebenar.

Selain itu, ia dapat membantu guru mengajar topik pembelajaran yang susah dan sukar untuk murid fahami. Keberkesanan penggunaan BBM juga terserlah apabila guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka. Secara tidak langsung, kepelbagaian penggunaan BBM dapat memperkayakan dalam pengajaran guru. Kesan penggunaan BBM dapat membangkitkan semangat pelajar untuk menumpukan perhatian dan memberi perhatian kepada pengajaran guru. Guru merupakan individu penting dalam memastikan penggunaan BBM berjalan dengan lancar seperti yang dirancang (Mohd Faez Illia, et, al. 2022). Kejayaan penggunaan BBM adalah bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan pengetahuan guru dalam menguruskan penggunaan BBM sebelum, semasa atau selepas penggunaan. Namun, faktor guru itu sendiri juga boleh menjadi penghalang kepada penggunaan BBM.

Reka bentuk suatu multimedia dalam pembelajaran adalah sangat penting, ianya membolehkan seseorang untuk belajar dengan lebih mendalam jika suatu media tersebut dibentangkan dengan kepelbagaian elemen multimedia, berbanding pengajaran tradisional menggunakan format teks dan imej pegun semata-mata (Garcia, et, al., 2017). Keberkesanan serta keupayaan atau hasil yang dicapai dalam menggunakan BBM teknologi dalam proses PdP yang lebih berkesan daripada yang dicapai menggunakan kaedah tradisional. Kaedah *chalk and talk* masih lagi menjadi pilihan bagi guru-guru walaupun sistem pendidikan di Malaysia telah diterapkan dengan kecanggihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seiring dengan perkembangan sistem pendidikan di negara ini. Pada masa kini majoriti institusi pendidikan yang menawarkan program dalam bidang pendidikan telah memberikan latihan dan pendedahan menggunakan teknologi dalam proses PdP yang disampaikan oleh pensyarah dan PdP yang akan dilaksanakan oleh guru pelatih semasa mengajar di sekolah nanti (Bayaga B. et. al., 2021). Oleh itu, penggunaan BBM dalam pembelajaran amat penting bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia dapat mengikuti perkembangan sistem pendidikan luar negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Kemajuan dalam bidang teknologi telah merubah kehidupan manusia dalam semua aspek dari segi gaya hidup, cara pemikiran dan taraf pendidikan. Pendidikan merupakan antara elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia, oleh itu sistem pendidikan hendaklah disejajarkan dengan kemajuan teknologi digital. Namun begitu, tidak semua guru menerapkan unsur penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Kebanyakan guru masih menggunakan kaedah pembelajaran tradisional dimana mereka masih menggunakan alatan papan putih dan pen semata-mata dalam penyampaian ilmu.

Kewujudan bahan bantu mengajar dapat mendatangkan banyak kelebihan dan manfaat kepada guru serta murid-murid. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025



dilancarkan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, yang memfokuskan kepada hasil berbanding input, di samping memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Namun begitu, masih terdapat sebilangan kecil guru yang berfikiran terbuka dalam mengimbangi arus pemodenan dan tidak bersedia untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam BBM bagi proses pengajaran. Oleh kerana masa pengajaran subjek ini terhad dan jumlah kandungan silibus yang banyak, hasil pengajaran yang baik tidak boleh dicapai semata-mata melalui kaedah pengajaran tradisional (Shouye, 2017). Akibatnya, pelajar menjadi terlalu pasif, seolah-olah mereka tidak mengambil bahagian dalam proses pengajaran bilik darjah. Masalah-masalah ini yang telah menghalang usaha kerajaan untuk mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi mengikuti era lonjakan teknologi masa kini (Faizah, 2017).



Berdasarkan kajian lepas (Mohd Faez Ilias, et, al, 2022) menyedari kelebihan menggunakan BBM ketika menjalankan PdP kerana BBM boleh berperanan untuk meningkatkan kefahaman pelajar, menarik minat pelajar, mewujudkan reaksi positif dan memudahkan guru mengajar. Hal ini membuktikan bahawa BBM sememangnya mampu memberikan impak yang positif terhadap pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Aplikasi teknologi dalam pendidikan telah menjadi sumbangan yang penting kepada dunia pendidikan sehingga kini. Selain memudahkan, ianya juga dilihat sebagai mempercepatkan kerja dalam proses aktiviti pengajaran.

Seorang guru mestilah mempunyai unsur-unsur untuk menjadi seorang guru yang baik, di mana mereka hendaklah menguasai kandungan mata pelajaran yang akan diajari, berpengetahuan dalam kaedah pengajaran (pedagogi), boleh memilih sumber pengajaran, boleh mengamalkan strategi pengajaran yang pelbagai, mempunyai kemahiran teknikal, berkemahiran dalam berkomunikasi dengan murid, dan memiliki sikap serta personaliti yang





positif seperti motivasi, jenaka dan keyakinan. Kaedah tradisional *chalk and talk* kurang relevan dengan keperluan pelajar masa kini. (Anuar Ahmad dan Nelson Jingga, 2017)

Setiap guru hendaklah menggunakan pendekatan yang efektif dalam melaksanakan proses PdP di dalam bilik darjah. Penggunaan BBM berasaskan teknologi hendaklah diterapkan untuk menarik minat murid-murid dalam penglibatan pembelajaran di dalam kelas. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang aktif dapat merangsang pelajar dengan mengaktifkan pengetahuan sedia ada dan dihubungkan dengan pengetahuan baharu (Mohd Maziz Al-Hadi, et, al., 2021). Pembelajaran yang pasif ini perlu berubah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang aktif untuk membolehkan pelajar memberi tumpuan dalam pembelajaran dimana penerapan teknologi dalam penggunaan BBM hendaklah dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, setiap guru berdepan dengan pelbagai halangan dalam menggunakan BBM teknologi dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian ini ingin melihat faktor halangan dalaman serta faktor halangan luaran terhadap penggunaan bahan bantu mengajar teknologi serta hubungannya dengan tahap kemahiran guru pelatih dalam menggunakan teknologi. Diharap kajian ini dapat membantu pendidik membuat pilihan atau persediaan yang sesuai seterusnya berupaya menangani isu berkaitan pencapaian dan kefahaman tentang konsep pengaturcaraan dalam kalangan pelajar pengkomputeran.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah yang diuraikan, maka adalah sangat penting untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kemahiran guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi dalam menggunakan teknologi



- ii. Mengenal pasti faktor halangan dalaman dan luaran kritikal terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.
- iii. Mengenal pasti hubungan diantara tahap kemahiran dalam menggunakan teknologi dengan faktor halangan dalaman dan luaran terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian ini, beberapa persoalan kajian perlu dijawab. Berikut adalah persoalan kajian yang timbul semasa kajian ini dijalankan:

- i. Apakah guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi berkemahiran dalam menggunakan teknologi?
- ii. Apakah terdapat faktor halangan dalam dan luaran kritikal terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi?
- iii. Apakah terdapat hubungan yang signifikan diantara tahap kemahiran dalam menggunakan teknologi dengan faktor halangan dalaman dan luaran terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi?

1.6 Hipotesis Kajian


Beberapa hipotesis telah dicadangkan untuk menjawab persoalan yang akan dikaji untuk mengetahui hubungan diantara tahap kemahiran penggunaan teknologi dengan faktor halangan terhadap penggunaan bahan bantu mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih fakulti pengurusan dan ekonomi, universiti pendidikan sultan idris. Berikut merupakan jangkaan hipotesis dalam kajian ini:

H₁ - Terdapat hubungan diantara tahap kemahiran dalam menggunakan teknologi dengan faktor halangan dalaman terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

H₂ - Terdapat hubungan diantara tahap kemahiran dalam menggunakan teknologi dengan faktor halangan luaran terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan penyelidikan ini, kajian ini dilakukan bertujuan untuk membincangkan kerangka kajian mengenai hubungan diantara tahap kemahiran penggunaan teknologi dengan faktor halangan terhadap penggunaan bahan bantu mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih fakulti pengurusan dan ekonomi, universiti pendidikan sultan idris. Kajian ini adalah untuk menjawab objektif, persoalan serta hipotesis kajian. Kajian ini diharapkan dapat memperjelaskan kajian yang hendak dikaji.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Rajah di atas menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melihat kepada tiga (3) aspek utama iaitu faktor halangan kritis dalaman dan faktor halangan kritikal luaran terhadap penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih fakulti pengurusan dan ekonomi. Dalam aspek ini, pengkaji ingin melihat apakah faktor halangan kritis (faktor halangan utama) yang menyebabkan guru pelatih tidak menggunakan dan mengaplikasikan teknologi dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Selain itu, faktor halangan juga dipecahkan kepada 2 bahagian iaitu faktor halangan dalaman iaitu dari guru itu sendiri serta faktor halangan luaran iaitu dari persekitaran guru. Aspek yang kedua iaitu pengkaji hendak melihat tahap kemahiran guru pelatih dalam menggunakan teknologi. Kajian ini secara langsung hendak melihat hubungan tahap kemahiran guru pelatih serta faktor halangan kritis penggunaan bahan bantu mengajar teknologi dalam pembelajaran. Secara ringkasnya, kajian ini ingin melihat dan mengkaji perkaitan di antara pemboleh ubah bebas dan pembolehubah

bersandar.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi melihat apakah sebab ataupun faktor utama yang menghalang guru pelatih daripada menggunakan bahan bantu mengajar berteknologi. Dalam kajian ini, pengkaji juga ingin melihat tahap kemahiran guru pelatih dalam menggunakan teknologi digital. Hal ini demikian kerana kajian ini ingin mengetahui sama ada terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru pelatih dalam menggunakan teknologi dengan faktor yang menghalang penggunaan bahan bantu mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih. Melalui kajian sebegini, diharapkan dapat menarik perhatian pihak berkaitan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak sekolah dan guru, serta bekerjasama untuk menambah baik dan mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam BBM dan kualiti PdP untuk topik pengaturcaraan dalam kalangan generasi muda.



Berdasarkan permasalahan kajian ini, adalah penting untuk melaksanakannya bagi menyelesaikan masalah utama yang timbul secara realiti, kerana setiap halangan adalah berbeza dan bergantung kepada situasi dan persekitaran semasa. Mengaplikasikan teknologi dalam penggunaan BBM dianggap sebagai perkara yang remeh, tetapi sekiranya guru menggunakan sepenuhnya teknologi dalam proses PdP, maka setiap kejadian PdP akan menjadi pengalaman yang bermakna kepada murid. Memandangkan teknologi berkembang mengikut peredaran masa, terdapat lebih banyak alat bantu yang diinovasikan untuk membantu dan menyokong guru dalam proses pengajaran. Penggunaan BBM teknologi juga membantu murid memahami topik dengan lebih baik. Mengaplikasikan teknologi dalam penggunaan bahan bantu mengajar adalah penting dalam pendidikan moden. Hal ini demikian kerana, ianya menyokong proses pengajaran, memudahkan pemahaman konsep yang kompleks, menarik minat pelajar, dan meningkatkan hasil pembelajaran mereka.



Selain daripada itu, penyelidikan ini dapat memberi gambaran tentang bagaimana pengajaran boleh diperbaiki untuk meningkatkan kualiti pembelajaran. Ia juga membolehkan para guru membangunkan kaedah, teknik dan bahan pengajaran baharu untuk membantu pelajar mencapai potensi penuh mereka. Hasil daripada kajian ini diharapkan boleh memberi gambaran yang jelas dan menjadi panduan berguna kepada semua pihak untuk mempertingkatkan lagi prestasi pengajaran, kualiti perkhidmatan serta menyediakan kemajuan kemudahan dan teknologi bagi memastikan standard pengajaran untuk manfaat masa hadapan sebagaimana yang mungkin dilakukan dari semasa ke semasa.

1.9 Definisi Operasi Kajian

Berikut merupakan senarai bagi definisi-definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini untuk mentakrifkan konstruk di dalam kajian ini. Definisi operasi disenaraikan seperti berikut :



1.9.1 Faktor Halangan

Apa-apa sahaja yang berfungsi untuk menghalang, mengakses, atau memajukan. Sesuatu yang mengehadkan kualiti atau pencapaian. Halangan datang dalam pelbagai bentuk dan dari pelbagai sumber. Mereka boleh bersifat sementara atau kekal. Ianya juga faktor yang cenderung untuk menyekat pergerakan bebas, atau percampuran antara sesuatu perkara, halangan tingkah laku dan geografi.

1.9.2 Faktor Dalaman

Faktor dalaman merujuk kepada apa sahaja bagi individu dan di bawah kawalan individu itu sendiri tidak kira sama ada ia nyata atau tidak ketara. Faktor-faktor ini dapat dikira dan dikelompokkan sama ada ke dalam kekuatan dan kelemahan.

1.9.3 Faktor Luaran

Faktor luaran ialah perkara di luar dari kawalan individu yang memberi kesan kepada kejayaan sesuatu perkara. Kesan mereka boleh menjadi positif atau negatif. Apa yang boleh dilakukan ialah bertindak balas terhadap sesuatu perkara dan membuat keputusan untuk membantunya berjaya.

1.9.4 Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar ialah alat yang memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai jenis alat bantu mengajar, termasuk: alat bantu mengajar tradisional seperti buku dan papan hitam, alat bantu mengajar visual seperti poster, gambar rajah, peta dan alat bantu mengajar mekanikal contohnya projektor video.

1.9.5 Teknologi

Teknologi ialah penggunaan pengetahuan saintifik untuk tujuan praktikal, dan untuk

menyelesaikan masalah. Teknologi boleh membantu kehidupan manusia atau industri. Teknologi yang dimaksudkan disini adalah dari segi penggunaan Microsoft, Canva, laman web pembelajaran, kuiz dalam talian, permainan digital dan pemasangan wayar.

1.9.6 Kritis

Pemikiran kritis bermaksud melihat dengan teliti semua maklumat dan fakta yang dimiliki, dan memikirkannya untuk membuat keputusan yang baik. Ia juga bermakna tidak mempercayai semua yang didengar tanpa mempersoalkannya terlebih dahulu.

1.9.7 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)


Pengajaran ialah apabila seorang guru membantu pelajar memahami dan menggunakan apa yang mereka tahu. Pembelajaran ialah apabila pelajar memperoleh pengetahuan atau kemahiran melalui belajar, mengalami sesuatu, atau diajar. Proses pengajaran dan pembelajaran ialah apabila guru berkongsi ilmu dengan pelajar.

1.9.8 Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)

PAK21 adalah satu cara pembelajaran yang memfokuskan kepada pelajar. Ia termasuk perkara seperti bercakap dan bekerjasama, berfikir dengan teliti, menjadi kreatif, dan bersikap baik dan adil. Perkara-perkara ini sangat penting dalam PAK21



1.10 Struktur Kajian



Rajah 1.2 Struktur Kajian



Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat kajian yang berkaitan dengan BBM teknologi. Hal ini demikian kerana penggunaan bahan bantu mengajar tradisional masih digunakan oleh guru-guru, namun begitu tidak semua guru mengamalkan dan menerapkan penggunaan unsur teknologi dalam pembelajaran. Pengkaji ingin melihat apakah faktor utama yang menjadi penghalang kepada penerapan teknologi dalam penggunaan BBM teknologi ini. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat tahap kemahiran guru pelatih dalam menggunakan teknologi serta hubungannya dengan faktor halangan penggunaan BBM teknologi.

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara ringkas mengenai projek penyelidikan ini. Pada bab pertama telah memperkenalkan latar belakang kajian serta pernyataan masalah kajian dimana ianya tentang mengapa penyelidikan itu penting dan apa yang penyelidik cuba ketahui. Selain itu, pengkaji telah membangunkan objektif, persoalan serta hipotesis kajian serta kepentingan kajian ini dijalankan. Bab seterusnya, pengkaji akan mengkaji berkenaan kajian tinjauan literatur yang sedia ada bagi memberikan gambaran dan kefahaman yang jelas berkenaan hubungan diantara tahap kemahiran penggunaan teknologi dengan faktor halangan terhadap penggunaan bahan bantu mengajar teknologi dalam kalangan guru pelatih fakulti pengurusan dan ekonomi, universiti pendidikan sultan idris.